

SPESIFIKASI PATEN

Perihal

Rekacipta/inovasi hendaklah dinyatakan dengan jelas dan lengkap bagi membolehkan seseorang yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang teknologi menjalankan pemeriksaan ke atas rekacipta tersebut. Perihal hendaklah dinyatakan dengan menggunakan turutan tajuk di bawah:

i. Tajuk

Tajuk hendaklah terang dan ringkas bagi menyatakan "subject matter" berhubung dengan rekacipta/inovasi dan hendaklah serupa dengan tajuk dalam borang permohonan dan ringkasan (abstrak).

ii. Bidang Teknikal

Ia adalah pernyataan umum menerangkan tentang seni atau teknologi berhubung rekacipta/inovasi.

iii. Latarbelakang Teknologi

Ia harus mengandungi ringkasan latar belakang teknologi yang diketahui oleh pemohon yang berguna bagi memahami rekacipta/inovasi tersebut.

iv. Penzahiran Rekacipta

Lazimnya ia mengandungi pernyataan mengenai ciri-ciri yang diperlukan dan alternatif rekacipta serta kelebihan rekacipta/inovasi terhadap teknologi yang terdahulu.

v. Contoh Spesifikasi

Termasuklah "Penerangan Tentang Lukisan" (jika ada). Ia hendaklah mengandungi penerangan tentang mod terbaik bagi pemohon untuk menonjolkan hasil rekacipta, menggunakan contoh yang sesuai dan rujukan gambarajah, sekiranya ada.

vi. Pemakaian dalam Mana-Mana Industri

Cara bagaimana rekacipta dapat digunakan di industri hendaklah dinyatakan dengan jelas. Lazimnya kepenggunaan di industri adalah jelas dari perihal rekacipta dan contoh-contoh spesifik. Walau bagaimanapun di dalam kes-kes yang tertentu sebagai contoh rekaciptanya adalah kandungan bahan kimia yang baru, kepenggunaan di industri adalah mungkin tidak jelas.

Tuntutan

Fungsi utama tuntutan adalah untuk menjelaskan skop perlindungan paten. Tuntutan hendaklah jelas, ringkas dan mesti disokong oleh perihal yang dizahirkan di bahagian penerangan di dalam perihal paten.

Tuntutan adalah bahagian yang terpenting dari spesifikasi paten dan disebabkan oleh sifat perundangannya, adalah mungkin yang paling sukar untuk disediakannya. Tuntutan boleh dibatalkan sekiranya dideraf terlalu umum menyebabkan ia tidak baru atau tiada langkah merekacipta. Tuntutan juga mungkin dideraf terlalu had sehingga mudah bagi pesaing untuk mendapatkan faedah dari rekacipta tersebut tanpa pelanggaran tuntutan.

Tuntutan mesti dimulakan pada muka surat baru dan setiap tuntutan hendaklah ditulis sebagai satu ayat. Di mana bersesuaian, tuntutan harus menerangkan rekacipta/inovasi terlebih dahulu dengan menyatakan latarbelakang teknologi terdahulu, diikuti oleh bahagian "characterizing". Bahagian ini menerangkan tentang ciri-ciri rekacipta/inovasi yang ingin dilindungi. Setiap ciri-ciri teknikal yang dinyatakan dalam tuntutan dibenarkan di dalam spesifikasi perbaharuan utiliti manakala lebih dari satu tuntutan dibenarkan di dalam spesifikasi paten. Walaubagaimanapun tuntutan-tuntutan di dalam spesifikasi paten hendaklah berkaitan dengan rekacipta yang sama.

Ringkasan

Ringkasan adalah penerangan ringkas mengenai penzahiran yang terkandung di dalam perihalan dan tuntutan. Ringkasan hendaklah dideraf dengan efisien untuk tujuan carian teknikal. Ia tidak harus mengandungi pernyataan tentang merit atau nilai rekacipta/inovasi.

Ringkasan hendaklah dimulakan pada muka surat baru dengan tajuk rekacipta dan seringkas yang mungkin dari perihalan. Pemohon harus menyatakan lukisan yang sesuai (jika ada) untuk disertakan bersama ringkasan, seharusnya dalam kurungan di penghujung ringkasan. Setiap ciri-ciri utama yang dinyatakan dalam ringkasan dan diilustrasikan di dalam lukisan hendaklah diikuti dengan angka rujukan di dalam kurungan.

Keperluan Fizikal dan Istilah Spesifikasi Paten

Di bawah adalah ringkasan kepada keperluan fizikal dan istilah berkaitan dengan penyediaan dokumen permohonan paten dan perbaharuan utiliti.

Pemohon perlu menggunakan borang rasmi yang disediakan oleh Pejabat Pendaftaran Paten dan pejabat-pejabat cawangan. Sebagai contoh, "Permohonan Bagi Pemberian Paten: harus menggunakan Borang 1 dan "Permohonan bagi Perakuan Perbaharuan Utiliti" harus menggunakan Borang 14.

Keperluan Fizikal

- i. Permohonan dan sebarang pernyataan atau dokumen yang disertakan hendaklah difailkan dalam 2 salinan.
- ii. Semua dokumen permohonan yang dikemukakan hendaklah jelas untuk penghasilan semula melalui fotografi, proses elektrostatik, photo offset dan mikrofilem.
- iii. Semua helaian hendaklah dipastikan tiada kerosakan atau kesan lipatan dan hanya menggunakan sebelah muka surat sahaja pada setiap helaian.
- iv. Semua dokumen permohonan hendaklah menggunakan kertas A4 (29.7cm x 21cm) yang tahan, kuat, putih, licin dan tidak berkilat.
- v. Dalam keadaan tertentu Pendaftar boleh menerima kertas selain saiz A4.
- vi. Margin minima bagi helaian adalah 2cm.
- vii. Semua helaian hendaklah dinomborkan pada sebelah atas, tengah helaian berkenaan dalam urutan angka Arab.
- viii. Teks permohonan tersebut hendaklah dicetak dalam warna hitam yang tidak luntur, sekurang-kurangnya 1.5 ruang baris, tetapi simbol grafil, formula kimia atau matematik dan simbol tertentu dibenarkan. Lukisan dan tulisan tangan juga dibenarkan jika perlu.
- ix. Dalam permohonan, setiap baris kelima, setiap helaian perihalan dan tuntutan hendaklah dinomborkan dengan angka Arab di sebelah kiri baris yang berkaitan tetapi di sebelah kanan margin.
- x. Permohonan atau sebarang pertanyaan yang berkaitan atau dokumen hendaklah difailkan dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris.

Ukuran, Istilah dan Tanda

- i. Unit berat dan ukuran hendaklah dinyatakan dalam terma sistem metrik.
- ii. Suhu hendaklah dinyatakan dalam darjah Celsius.
- iii. Kepadatan hendaklah dinyatakan dalam unit metrik.
- iv. Bagi kepanasan, tenaga, cahaya, bunyi, kemagnetan, juga formula matematik dan unit elektrik, undang-undang amalan antarabangsa haruslah dilaksanakan.
- v. Bagi formula bahan kimia, simbol, berat atom dan formula molekul dalam penggunaan secara umum akan diguna pakai.
- vi. Secara umumnya, hanya istilah teknikal tertentu, tanda dan simbol yang diterima umum di dalam bidang yang berkaitan hendaklah digunakan.
- vii. Istilah dan tanda hendaklah konsisten sepanjang permohonan.

****Untuk keterangan lebih lanjut berkaitan Spesifikasi Paten, sila layari www.myipo.gov.my**

****Unit SME merupakan pejabat yang bertanggungjawab di dalam usaha mengkomersilkan produk penyelidikan UniMAP. Harta Intelek dan isu berkaitan dengannya juga berada di bawah tanggungjawab unit ini. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi terus:**

Unit Enterpris Kecil Sederhana
Jabatan Canselori
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Kompleks Pusat Pengajian 4,
Taman Utara Jejawi
Jalan Jejawi Sematang
02600 Arau
Perlis
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749

<http://sme.unimap.edu.my>

Bersambung pada keluaran akan datang...

PATENT SPECIFICATION

Description

The invention/innovation must be disclosed in a clear and concise manner to enable a person who is skilled in the art to carry out the examination on the invention. The description must specify the following headings:

- i. Title**
The title must clearly and concisely indicate the subject matter to which the invention/innovation relates and must be the same as the title on the request form and abstract.
- ii. Technical Field**
This is a general broad statement describing the art or technology to which the invention/innovation relates.
- iii. Background Art**
This should include a summary of any background art known to the applicant which may be useful for understanding the invention/innovation.
- iv. Disclosure of Invention**
This normally includes a statement of the essential and alternative features of the invention and any advantages of the invention or innovation over the known technology.
- v. Specific Examples**
Including a "Description of the Drawing" (if any). This should include a description of the best mode contemplated by the applicant for carrying out the invention/innovation, using examples where appropriate and referring to the drawings, if any.
- vi. Industrial Applicability**
This should indicate explicitly, when it is not obvious from the description or nature of the invention, the way in which and invention is industrially applicable. In most cases, industrial applicability will be obvious from the disclosure of the invention and the specific examples. However, in some cases, for example, where the invention is a new chemical compound, its industrial applicability may not be obvious.

Claims

The major function of the claims is to clearly define the scope of patent protection. The claims must clear and concise and supported by the description of the patent specification.

The claims are the most important part of the patent specification and, because of their legalistic nature, can be very difficult to prepare. A claim may be invalidated if it is drafted too broadly, resulting in a lack of newness or inventive step. If the claim is drafted too narrowly, it will be easy for competitors to benefit from the invention without infringing the claims.

The claims should commence on a new page and each claim should be written as a single sentence. Whenever appropriate the claim should define the invention/innovation first by indicating the background of prior art, followed by a "characterizing" portion. The "characterizing" portion defines the features of the invention/innovation which is desired to be protected. Each technical feature mentioned in the claims and illustrated in the drawings should, wherever possible, be followed by its reference numeral in parenthesis. In the case of a utility innovation application, only one claim is allowed whereas a plurality of claims are allowed in a patent application. However, the claims of a patent specification must relate to the same invention.

Abstract

The abstract is a summary of the disclosure contained in the description and claims and should be drafted which constitutes an efficient instrument for the purpose of searching in a particular technical field. It should not contain statement either on the merits or value of the invention/innovation.

The abstract should commence on a new page with a title of the invention and should be as concise as the disclosure permit (preferably not more than 150 words). The applicant should indicate which figure of the drawings (if any) should accompany the abstract, preferably in brackets at the end of the abstract. Each main technical feature mentioned in the abstract and illustrated in the drawing should be followed by its reference numeral in parenthesis.

Physical Requirements and Patent Specification Terminology

The following is a summary of the physical requirements and the related terminology in the preparation of the patent/utility innovation specification.

The applicant should use the prescribed forms available from the Patent Registration and Branch Offices. For examples, the "Request for Grant of a Patent" should be made on Form 1, and the "Request of a grant of a Certificate for a Utility Innovation" should be made on Form 14.

Physical Requirements

- i. The application and any accompanying statements or documents shall be filed in duplicate.
- ii. All documents of application shall be able to be reproduced by photography, electrostatic processes, photo offset and microfilming.
- iii. All sheets shall be free from cracks, creases and folds and only one side of each sheet contained in the application shall be used.
- iv. All documents of the application shall be on A4 paper (29.7cm x 21cm) which shall be strong, white, smooth, non-shiny and durable.
- v. Under certain circumstances, the Registrar may accept sheets of sizes other than A4.
- vi. The minimum margins of sheets shall be 2cm.
- vii. All sheets shall be numbered at the top of the sheet and the middle in consecutive Arabic numerals.
- viii. The text matter of the application shall be typed or printed in a dark, indelible colour and in at least 1.5 line spacing, but graphic symbols, chemical or mathematical formulae and certain characters may, if necessary, be hand written or drawn.
- ix. In the application, every fifth line of each sheet of the description and the claims shall be numbered in Arabic numerals placed to the left of the relevant lines but to the right of the margin.
- x. The application and any associated statement or document shall be filed in the National language or in English.

Measures, Terminology and Signs

- i. Units of weight and measures shall be expressed in the metric system.
- ii. Temperatures shall be expressed in degree Celsius.
- iii. Densities shall be expressed in metric units.
- iv. For heat, energy, light, sound and magnetism, as well as for mathematical formulae and electrical units, the rules of international practice shall be observed.
- v. For chemical formulae, the symbols, atomic weight, and molecular formulae in general use shall be employed.
- vi. In general, only such technical terms, signs and symbols as are generally accepted in the field in question should be used.
- vii. The terminology and signs shall be consistent throughout the application.

For more details about **Patent Specification, please visit www.myipo.gov.my

**SME Unit is the office in charge to commercialise the university's research product. IP and issues related to it is also under the custodian of this office. For further enquiries, please contact:

Small Medium Enterprise Unit
Jabatan Canselori
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Kompleks Pusat Pengajian 4,
Taman Utara Jejawi
Jalan Jejawi Sematang
02600 Arau
Perlis
Tel: (04)-9798941/42 Fax: (04)-9782749
<http://sme.unimap.edu.my>

To be continued...